

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah pengiraan harga minyak petrol dan bagaimanakah penetapan kadar harga dilakukan dari semasa ke semasa kerana rakyat keliru dengan kenaikan harga pasaran tempatan tetapi harga menurun di pasaran antarabangsa.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit petrol RON95 berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini,

perubahan harga runcit petrol RON95 di negara ini dibuat setiap bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

2) Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut ialah kos sebenar petrol RON95 yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

3) Harga runcit petrol sebenarnya tidak berkait rapat dengan harga minyak mentah. Harga runcit petrol yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada harga minyak yang telah diproses yang mungkin berbeza untuk jenis produk yang berbeza. Sebagai contoh, dalam tempoh 1 Februari 2017 hingga 28 Februari 2017, kos produk petrol RON95 yang diproses adalah lebih tinggi daripada harga minyak mentah sebanyak USD 11 sehingga USD 16 setong. Kos produk petrol yang telah diproses yang biasa digunakan di rantau ini merujuk kepada *Mean Of Platts Singapore (MOPS)* yang diniagakan dalam Dolar AS.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD  
FAKEH**

**SOALAN : NO. 515**

**Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan mahasiswa dalam kegiatan kesukarelawan.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha memperkasakan pembangunan mahasiswa di institusi pendidikan tinggi (IPT). Seiring dengan revolusi pendidikan global masa kini, KPT mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program *Gap Year Volunteerism* bagi melahirkan graduan yang holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang selaras dengan Lonjakan 1 di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Program ini telah telah dipraktiskan secara meluas oleh IPT di luar negara yang memberi peluang kepada mahasiswa untuk menimba pengalaman dalam menjalankan aktiviti sukarelawan. Program *Gap Year Volunteerism* memberi kebenaran kepada mahasiswa untuk menangguhkan pengajian mereka bagi mengikuti program dan aktiviti kesukarelawanan yang telah dirancang oleh IPT dengan kerjasama agensi yang terlibat. Program kesukarelawan siswa IPT ini merangkumi pembangunan komuniti dan

khidmat masyarakat bersesuaian dengan keperluan pembangunan sahsiah mahasiswa.

KPT juga telah menubuhkan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) bertujuan untuk menggalak, mendidik dan membimbing mahasiswa dalam bidang sukarelawan untuk mempromosi keamanan dunia dan memupuk semangat setia kawan melalui perkhidmatan komuniti di dalam dan luar negara. Matlamat ini adalah sejajar dengan visi untuk membangunkan Malaysia sebagai hub sukarelawan siswa dan melahirkan "ikon mahasiswa" dalam bidang sukarelawan di pentas global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, melalui Majlis Kokurikulum Universiti-Universiti Malaysia atau *Malaysian Universities Co-curricular Council* (UniCC), aktiviti-aktiviti kesukarelawan diberikan kredit (Kokurikulum Berkredit) bertujuan untuk menggalakkan penyertaan mahasiswa dalam kegiatan kesukarelawan dan juga untuk melahirkan graduan yang berketerampilan dan berdaya saing seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.